BIL.	MUKIM	TAHUN	TAJUK PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	Rawang	25.2.2014 Hingga 13.6.2016	Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Saliran dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Bandar Rawang Fasa 2, Mukim Rawang, Daerah Gombak Selangor Darul Ehsan - Projek Telah Siap	3,283,102.50
2.	Rawang	23.7.2013 Hingga 23.7.2014	Kerja-kerja Menaiktaraf Sg. Rawang di Kg. Dato'Lee Kim Sai (Missing Link), Mukim Rawang, Daerah Gombak - Projek Telah Siap	2,227,365.00
3.	Rawang	2.8.2013 Hingga 1.8.2014	Pembinaan Sistem Saliran Taman Garing Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan - Projek Telah Siap	1,060,730.00
4.	Rawang	25.11.15 hingga 13.2.2018	Projek Menaik Taraf Anak Sungai Rawang Fasa 2 dan Kolam Takungan Taman Garing Bagi Mengatasi Banjir Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor - Projek Dalam Pembinaan	3,419,162.50

BIL.	MUKIM	TAHUN	TAJUK PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
5.	Rawang	9.12.2015 Hingga 10.11.2017	Projek Menaiktaraf Sg. Bakau Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan - Projek Dalam Pembinaan	3,580,362.00
6.	Rawang	9.12.2015 Hingga 17.4.2018	Projek Menaiktaraf Sg. Gong dan Pembinaan Kolam Takungan Banjir Serta Kerja-kerja Berkaitan Fasa 1 Di Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan - Projek Dalam Pembinaan	7,641,328.00
7.	Rawang	16.8.2017 Hingga 14.8.2017	Projek Menaik Taraf Anak Sungai Kuang Di Bandar Baru Kundang Bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kuang Fasa 1 Rawang, Daerah Gombak, Selangor - Projek Dalam Pembinaan	12,976,986.40
8.	Rawang	24.8.2017 Hingga 27.12.2018	Membina dan Menyiapkan Jambatan Jalan Kuala Garing Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan-Pakej 1 Rancangan Tebatan Banjir Sungai Rawang Fasa 2 Daerah Gombak Selangor Darul Ehsan.	6,090,837.38
			JUMLAH KESELURUHAN	40,279,873.78

b) Senarai sungai-sungai yang ada dalam kawasan Rawang adalah seperti berikut:

1. Sungai Rawang
2. Sungai Gapis
3. Sungai Kanching
4. Sungai Sepakat
5. Sungai Kenanga
6. Sungai Pajam
7. Sungai Garing
8. Sungai Kuang
9. Sungai Kundang
10. Sungai Air Hitam
11. Sungai Sembah
12. Sungai Guntong
13. Sungai Mangga

Pihak JPS telah mengeluarkan kerja-kerja berkala bagi pembersihan dan pemotongan rumput di tebing dan di dalam kawasan rizab dan ianya diselenggara setiap tahun. Kawasan-kawasan tersebut meliputi jalan-jalan protokol dan kawasan tebing berhampiran jambatan.

Bagi mewujudkan kawasan-kawasan rekreasi pula pihak jabatan akan sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya sekiranya ada pihak-pihak seperti Jabatan Landskap di bawah PBT ingin menjadikan kawasan rizab sungai sebagai tempat riadah bagi penduduk tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE) DUN RAWANG

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah pendaftar mesra usia emas mengikut pecahan umur, jantina dan kaum dalam DUN Rawang.
- b) Senaraikan jumlah peruntukan untuk penerima skim Mesra Usia Emas di Rawang bagi tahun 2008-2017.
- c) Apakah Pelan Tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk golongan usia emas?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pendaftar mesra usia emas mengikut umur, jantina dan kaum dalam DUN Rawang:-

Jumlah Pendaftaran sehingga 19/10/2017 mengikut pecahan umur, jantina dan Kaum								
	Kaum					Jantina		
Skala Umur	Melayu	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
0-59	97	80	159	3	339	216	123	339
60-64	146	240	244	10	640	317	323	640
65-69	259	770	450	13	1492	697	795	1492
70-74	199	763	269	16	1247	636	611	1247
75-79	134	696	187	14	1031	488	543	1031
80-84	101	482	176	5	764	355	409	764
85-89	50	257	77	6	390	166	224	390
90-94	21	111	37	3	172	66	106	172
95-99	14	42	16	1	73	29	44	73
100-104	3	20	3	0	26	9	17	26
105-dan ke atas	6	3	2	0	11	7	4	11
Jumlah	1030	3464	1620	71	6185	2986	3199	6185

- b) Jumlah peruntukan untuk penerima skim mesra usia emas di Rawang bagi tahun 2008 - 2017:-

DUN RAWANG	Penerima mengikut Kaum				
	Melayu	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah RM
Sudah menerima Fasa 1	297	1097	506	22	1922
Sudah menerima Fasa 2	287	1051	486	21	1845
Belum Menerima Fasa 2	10	46	20	1	77
Jumlah dalam RM	727500	2673500	1235000	53500	4689500

- c) Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai Pelan Tindakan yang khusus untuk golongan warga emas di Negeri Selangor.

Oleh itu Kerajaan Negeri mengambil sikap menyokong sepenuhnya Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) telah diluluskan oleh kerajaan pusat pada 5 Januari 2011.

Kerajaan Negeri menyokong komitmen kerajaan pusat untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan Negara.

Matlamat utama dasar ini adalah mendayaupayakan individu, keluarga dan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan serta membangunkan persekitaran yang membantu warga emas hidup sejahtera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : CARUMAN WANITA SELANGOR

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan Negeri Selangor akan menubuhkan Caruman Wanita Selangor bagi mewujudkan jaringan keselamatan sosial khasnya untuk golongan suri rumahtangga?
- b) Berapakah jumlah pekerja sektor tidak formal mengikut pecahan jantina, sektor, umur dan kaum dalam Negeri Selangor?
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor bagi menjaga golongan wanita yang bekerja dalam sektor tidak formal ini?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Kerajaan Negeri amat menghargai peranan dan sumbangan golongan wanita termasuk golongan suri rumah dalam pembangunan masyarakat, sosial dan ekonomi negeri. Pada 4 Oktober 2017 yang lalu, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah melancarkan Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan 2017-2020 sebagai sebuah dasar yang holistik dan progresif membangun dan memberdaya wanita di Negeri Selangor.

Bagi mewujudkan jaringan keselamatan sosial serta menjaga pendapatan wanita terutama golongan suri rumah dan kumpulan sasaran, Dasar Wanita Selangor telah mencadangkan agar sebuah projek rintis koperasi milik wanita Selangor ditubuhkan untuk simpanan dan perusahaan berasaskan perkhidmatan. Oleh yang demikian, koperasi ini kelak akan bertindak sebagai sebuah platform pemberdayaan ekonomi bagi golongan wanita secara keseluruhannya.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai jumlah pekerja sektor tidak formal mengikut pecahan jantina, sektor, umur dan kaum memandangkan sektor tidak formal ini tidak berdaftar dengan mana-mana agensi di bawah Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, golongan wanita yang bekerja di sektor tidak formal ini tidak terkecuali daripada menikmati manfaat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri meraikan dan menjaga kebajikan semua lapisan masyarakat terutamanya golongan B40 yang memerlukan perhatian dan bantuan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, melalui Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) sebanyak 42 buah program berteraskan kesihatan, pendidikan, kebajikan, perumahan, perniagaan dan perusahaan telah diwujudkan bagi membantu kebajikan rakyat Selangor mengikut syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : SKIM PEMERIKSAAN MAMMOGRAM

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah wanita yang menjalani pemeriksaan mammogram untuk DUN Rawang mengikut pecahan umur dan kaum bagi tahun 2008-2017.
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk menambahkan lagi jenis-jenis pemeriksaan kesihatan untuk golongan wanita?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin dan mengambil serius akan isu-isu kesihatan rakyat Selangor, terutama sekali golongan wanita. Justeru itu, dalam mendepani isu-isu kanser payudara yang dihadapi golongan wanita ini, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah memperkenalkan dan melaksanakan Program Skim Kesihatan Wanita – Mammogram Selangor (MammoSel) semenjak tahun 2010 sehingga kini.

Semenjak MammoSel diperkenal dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk dimanfaatkan golongan wanita di Selangor sehingga 30 September 2017 seramai **36,874** orang telah menerima manfaat daripada program ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 753 orang penerima manfaat adalah dari DUN Rawang.

Namun begitu, buat masa ini tiada rekod berhubung dengan pecahan kaum dan pecahan umur. Walau bagaimanapun, penambahbaikan data akan dibuat dari semasa ke semasa untuk kegunaan semua pihak.

- b) Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan cadangan penambahbaikan program sedia ada yang sedang dilaksanakan. Namun begitu buat masa ini, Kerajaan Negeri masih belum ada cadangan bagi menambah jenis-jenis pemeriksaan kesihatan lain khusus untuk golongan wanita di Selangor. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai program kemudahan kesihatan kepada rakyat Selangor yang layak antaranya seperti Insentif Peduli Sihat, Saringan Sihat Selangor dan Bantuan Sihat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pecahan penerima dan jumlah bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan mengikut daerah di seluruh Selangor?

JAWAPAN:

- a) Sepertimana semua sedia maklum, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat/ individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan.

Sehingga Oktober 2017, sejumlah 3,372 orang telah menerima manfaat daripada program ini sejak ianya mula dilaksanakan pada tahun 2008. Berikut merupakan jumlah penerima manfaat mengikut daerah:-

BIL.	DAERAH	JUMLAH PENERIMA MANFAAT (ORANG)
1.	Petaling	182
2.	Klang	482
3.	Gombak	232
4.	Hulu Langat	125
5.	Kuala Langat	692
6.	Sepang	256
7.	Hulu Selangor	499
8.	Kuala Selangor	341
9.	Sabak Bernam	563
JUMLAH KESELURUHAN		3,372

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PELAN TINDAKAN AMPANG JAYA BANDAR RENDAH KARBON

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Pelan Tindakan Ampang Jaya Bandar Rendah Karbon melibatkan masyarakat setempat?

JAWAPAN:

- a) Pelan Tindakan Ampang Jaya Bandar Rendah Karbon 2030 mensasarkan penurunan karbon sebanyak 25 % pada tahun 2030. Oleh itu, bagi mencapai sasaran tersebut, pelbagai inisiatif hijau telah dilaksanakan oleh pihak MPAJ. Antaranya ialah;
1. Menggalakkan *smart partnership* antara MPAJ, syarikat swasta, pembekal NGO dalam membangunkan dan menyelenggara bandar/ keejiranan hijau melibatkan masyarakat secara terus terutamanya dalam aspek:-
 - i. Komuniti Hijau
 - ii. Aktiviti gotong royong secara berkala
 - iii. Pertandingan lanskap/halaman cantik
 - iv. Menggalakkan program kitar semula di kalangan komuniti dan pelajar sekolah
 - v. Menyediakan pusat komuniti
 - vi. Penubuhan kelab basikal
 - vii. Ampang Jaya Trees of Life
 - viii. Taman Herba
 - ix. Kebun Kejjiranan
 2. MPAJ bersama masyarakat setempat sentiasa mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk aktiviti perkebunan kejjiranan sama ada secara kekal atau sementara serta memudahcara pelaksanaan aktiviti perkebunan kejjiranan.
 3. Memberi kefahaman, pendidikan dan latihan kepada agensi kerajaan, pemaaju, syarikat dan masyarakat/ individu tentang konsep dan amalan pembangunan hijau dan kejjiranan hijau.

4. Melaksanakan program kempen kesedaran dan pendidikan awam tentang pengasingan sisa di punca.
5. Melaksanakan program kitar semula di peringkat pemimpin masyarakat bagi mempromosikan 3R.
6. Bekerjasama dengan sektor industri sisa pepejal untuk latihan kepada pengendali pengurusan sisa pepejal dengan tujuan mewujudkan tahap kompetensi pengendali.
7. Menjadikan pengurusan sisa pepejal dan kitar semula sebagai sebahagian daripada aktiviti pendidikan di sekolah dan prasekolah di seluruh sekolah-sekolah di sekitar Ampang Jaya.
8. Serta lain-lain program yang dijalankan oleh PBT (Kempen Minyak Masak, Kempen Kitar Semula, Kempen Kompos, Taklimat LCCF, Pemasangan lampu LED/ Solar, Anugerah berkaitan Teknologi Hijau, Pelan Pengurusan Karbon, Penyertaan Dalam Pertandingan Berkaitan Teknologi Hijau dan lain-lain)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : KES BERKAITAN INTEGRITI

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pecahan aduan yang diterima oleh Bahagian Integriti di pejabat SUK dan Pihak Berkuasa Tempatan?

JAWAPAN:

- a) Kaedah aduan integriti diterima oleh Bahagian Integriti di Pejabat SUK dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut:

- i. Secara bersemuka (pengadu datang sendiri);
- ii. Surat Layang;
- iii. Surat Rasmi / Tidak Rasmi;
- iv. E-mel / Media / E-Aduan;
- v. Telefon / Whatsapp / DII;
- vi. Laporan Audit / Akhbar.

Berdasarkan kaedah-kaedah tersebut, jumlah aduan integriti yang diterima oleh Bahagian Integriti di Pejabat SUK serta PBT sehingga 20 Oktober 2017 adalah sebanyak 238 aduan dan pecahannya adalah seperti berikut:

BIL	JABATAN	CARA ADUAN INTEGRITI DITERIMA						
		(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)	(vi)	JUMLAH
1	Unit Integriti Pejabat SUK Selangor	7	18	28	14	3	2	72
2	Majlis Bandaraya Shah Alam	4	0	0	3	2	2	11
3	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	1	4	8	3	3	0	19
4	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2	0	0	7	1	0	10

BIL	JABATAN	CARA ADUAN INTEGRITI DITERIMA						
		(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)	(vi)	JUMLAH
5	Majlis Perbandaran Klang	5	0	16	4	3	0	28
6	Majlis Perbandaran Kajang	13	3	6	24	1	0	47
7	Majlis Perbandaran Sepang	2	0	0	2	1	0	5
8	Majlis Perbandaran Selayang	1	0	2	14	0	0	17
9	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	0	0	3	0	0	0	3
10	Majlis Daerah Kuala Langat	0	0	0	0	8	0	8
11	Majlis Daerah Kuala Selangor	0	2	8	0	0	0	10
12	Majlis Daerah Hulu Selangor	1	0	1	0	0	0	2
13	Majlis Daerah Sabak Bernam	1	0	1	1	3	0	6
JUMLAH		23	24	65	34	24	4	238

Manakala jenis-jenis kesalahan integriti berdasarkan aduan yang diterima adalah seperti berikut:

- i. Rasuah / Salah Guna Kuasa / Penyelewengan;
- ii. Tuntutan palsu;
- iii. Tipu / Pecah Amanah;
- iv. Kesalahan pentadbiran Tatatertib/ Salah laku kakitangan/ Lain-lain.

Berdasarkan jumlah aduan integriti yang diterima oleh Bahagian Integriti di Pejabat SUK serta PBT berikut adalah pecahan jenis-jenis kesalahan integriti yang telah diterima:

BIL	JABATAN	JENIS KESALAHAN TAHUN 2017				
		(a)	(b)	(c)	(d)	JUMLAH
1	Unit Integriti Pejabat SUK Selangor	33	4	3	32	72
2	Majlis Bandaraya Shah Alam	0	0	1	10	11
3	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	13	0	0	6	19
4	Majlis Perbandaran Subang Jaya	0	0	0	10	10
5	Majlis Perbandaran Klang	11	3	1	13	28
6	Majlis Perbandaran Kajang	6	0	0	41	47
7	Majlis Perbandaran Sepang	1	0	0	4	5
8	Majlis Perbandaran Selayang	17	0	0	0	17
9	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	3	0	0	0	3
10	Majlis Daerah Kuala Langat	0	0	1	7	8
11	Majlis Daerah Kuala Selangor	2	0	0	8	10

BIL	JABATAN	JENIS KESALAHAN TAHUN 2017				
		(a)	(b)	(c)	(d)	JUMLAH
12	Majlis Daerah Hulu Selangor	0	0	0	2	2
13	Majlis Daerah Sabak Bernam	0	0	0	6	6
JUMLAH		63	7	6	98	238

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PENCAPAIAN SELANGOR INTERNATIONAL EXPO 2017

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pencapaian Selangor International Expo 2017 dari jumlah pengunjung dan transaksi jualan dan apakah pecahan mengikut sektor perniagaan?

JAWAPAN:

- a) Selangor International Expo 2017 (edisi ke-3) yang memberi fokus kepada industri sains hayat, makanan dan minuman serta produk dan perkhidmatan Halal, telah berjaya menarik seramai 449 gerai pameran yang melibatkan 193 syarikat/ organisasi dari dalam dan luar negara yang turut melibatkan penyertaan dari 21 buah negara. Selangor International Expo 2017 telah berjaya menarik seramai 16,694 pengunjung dengan potensi nilai transaksi sebanyak RM204,211,000.00.

Pecahan mengikut sektor perniagaan adalah seperti berikut:

Bil	Sektor Perniagaan	Syarikat/ Organisasi	Peratusan
1	Makanan & Minuman	70	36.3%
2	Sains Hayat	27	14%
3	Produk Halal	12	6.2%
4	Teknologi	18	9.3%
5	Perkhidmatan	62	32.1%
6	Lain-lain	4	2.1%
	JUMLAH	193	100%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : ATLET SELANGOR BERJAYA DI SUKAN SEA

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan atlet pemenang pingat Sukan Sea Kuala Lumpur yang telah dikenalpasti bakatnya oleh MSN Selangor dan adakah Kerajaan berhasrat mengembangkan model pembangunan atlet-atlet ini kepada sukan lain?

JAWAPAN:

- a) Seramai 139 orang atlet Selangor yang telah memenangi pingat di Sukan Sea KL 2017 yang lalu. Berikut adalah senarai pemenang-pemenang pingat tersebut:-

Bil Sukan	Bil Atlet	Sukan	Nama	Pingat Yang Dimenangi	Emas	Perak	Gangsa
1	1	Akuatik (Terjun)	Chew Yiwei	3m Springboard (Emas)	1		
				10m Platform (Perak)		1	
	2		Muhammad Syahmi Bin Mohd Rezal	10m Platform Mixed (Penyertaan)			
	3	Akuatik (Renang)	Chan Jie	4 x 100m Freestyle (Perak)		1	
	4		Shaun Yap Kah	Penyertaan			
	5		Yeap Zheng Yang	4 x 200m Freestyle (Gangsa)			1
	6		Jordan Yip Zhu Ern	Penyertaan			
	7		Daniel Lim Jun Liang	200 m Breaststroke (Gangsa)			1
	8		Phee Jinq En	100 m Breaststroke (Emas)	1		
				50 m Breaststroke (Perak)		1	
	9		Caroline Chan Zi Xin	50 m Backstroke (Gangsa)			1
	10		Asmalia Filzati Bt Redzuan	Penyertaan			
	11		Nadia Adrianna Redza	Penyertaan			
	12		Rosalind Pang Shean Hong	Penyertaan			
	13		Koh Jia Yi	Penyertaan			
	14	Akuatik (Renang Berirama)	Lee Yhing Huey	Duet Free Routine (Emas)	1		
				Solo Free Routine (Perak)		1	
				Duet Technical Routine (Perak)		1	
	15		Mandy Lim Jia Jia	Team Free Routine (Perak)		1	
	16	Akuatik (Polo Air)	Tan Tsien Hann	Berpasukan (Gangsa)			1
	17		Alicia Chin Tze Ling	Berpasukan (Penyertaan)			
	18		Lim Jia Xin				

2	19	Olahraga	Lee Hup Wei	Lompat Tinggi (Perak)		1	
	20		Asif Rahman Jiyaudeen	800 m & 1500 m (Penyertaan)			
	21		Raja Nursheena Bt Raja Azhar	100m Lari Berpagar (Perak)		1	
	22		Savinder Kaur A/P Jogindr Singh	800 m & 1500 m (Penyertaan)			
	23		Nurfazira Bt Jalaludin	Baling Tukul Besi (Penyertaan)			
	24		Muhammad Ziyad Bin Zolkefli	Lontar Peluru (Gangsa)			1
3	25	Badminton	Woon Khe Wei	Double Wanita (Gangsa)		1	
			Berpasukan Wanita (Perak)		1		
	26		Soong Joo Ven	Berpasukan Lelaki (Perak)		1	
4	27	Tenpin Bowling	Liew Kien Liang	Double Lelaki (Emas)	1		1
				Masters Lelaki (Gangsa)			
	28		Shalin Bt Zulkifili	Mixed Double (Perak)		1	
				Mixed Double (Perak)			
				Masters Wanita (Emas)	1		
				Berpasukan Wanita (Emas)	1		
				Trio (Emas)	1		
				Individu (Gangsa)			1
29	Siti Safiyah Amirah Bt Abdul Rahman	Berpasukan Wanita (Emas)				1	
30	Natasha Bt Mohamed Roslan	Trio (Gangsa)				1	
31	Ahmad Muaz Bin Mohd Fishol						
5	32	Kriket	Derek Micheal Duraisingam	Berpasukan - 50 Over (Emas)	1	1	
			Berpasukan T20 (Perak)				
	33		Muhammad Fitri Bin Mohd Sham	Berpasukan T20 (Perak)			
	34		Sivanantha A/L Gobal Krishnan	Berpasukan T20 (Perak)			
	35		Anna Hamizah Bt Hashim	Berpasukan - T20 (Gangsa)			1
	36		Winifred Anne Duraisingam				
6	37	Berbasikal	Muhammad Fadhil Bin Mohd Zonis	1km Ujian Masa Individu (Emas)	1		
			Team Sprint (Emas)	1			
	38		Mohamad Shariz Efendi Bin Mohd Shahrin	Team Sprint (Emas)			1
	39		Farina Shawati Bt Mohd Adnan	Team Sprint (Emas)	1		
				Keirin (Perak)		1	
				Individual Sprint (Perak)		1	
	40		Hamdan Hamidun	Team Pursuit (Emas)	1		
	41		Grace Phang Ching Zhen	Ominium (Penyertaan)			
42	Muhammad Elmi Bin Jumari	BMX (Penyertaan)					
7	43	Equestrian (Dressage / Jumping)	Praveen Nair Mathavan	Show Jumping Team (Emas)	1		
8	44	Lawan Pedang	Koh I - Jie	Epee Individual (Gangsa)			1
	45		Yap Jing Xuan	Epee Individual (Penyertaan)			
9	46	Bola Sepak (L)	Adam Nor Bin Azlin			1	
	47		Muhammad Syahmi Bin Safari	Berpasukan (Perak)			
	48	Bola Sepak (W)	Nurul Azurin Bt Mazlan	Berpasukan (Penyertaan)			
10	49	Futsal (L)	Mohd Khairul Effendy Bin Mohd Bahrin	Berpasukan (Perak)		1	
	50	Futsal (P)	Norhawa Binti Md Yasin				
	51		Nur Shazreen Binti Munazli	Berpasukan (Penyertaan)			
	52		Siti Asnidah Binti Zamri				
11	53	Golf	Danial Bin Azizan Durasic	Penyertaan			
12	54	Hoki (W)	Fatin Shafikah Bt Mohd Sukri	Berpasukan Wanita (Emas)	1		
	55		Raja Norsharina Bt Raja Shabudin				
	56	Hoki Dewan (W)	Ellya Syahirah Bt Ellias	Berpasukan Wanita (Gangsa)			1
	13	57	Gimnastik Artistik	Chau Jern Rong	Berpasukan Lelaki (Perak)		1
58		Tan Fu Jie		Pommel Horse (Emas)	1		
				Berpasukan Lelaki (Perak)			
59		Farah Ann Bt Abdul Hadi		Berpasukan Wanita (Emas)	1		
60		Nur Azira Bt Aziri		Floor Exercise (Emas)	1		
61		Nur Eli Ellina Bt Azmi		Berpasukan Wanita (Emas)			
62		Amy Kwan Dict Weng	Individual Apparatus - Ribbon (Emas)	1			
			Berpasukan - All Around (Emas)	1			
			Individual Apparatus - Hoop (Perak)		1		
			Individual All around (Perak)		1		
			63	Tee Wei Qi	Group Exercise - Single Apparatus (Emas) Group Exercise - Mixed Apparatus (Emas)	2	
64	Tee Wei Wen						
65	Amira Sofiya Binti Amirul Fares						

14	66	Karate	Sharmendran A/L Raghonathan	Kumite < 75 Kg (Emas)	1		
				Berpasukan Lelaki (Gangsa)			1
	67		Senthil Kumaran A/L Silvarajoo	Berpasukan Lelaki (Gangsa)			
				Kumite < 60 Kg (Emas)	1		
	68		Syakilla Salni Bt Jefry Krisnan	Kumite < 55 Kg (Emas)	1		
				Berpasukan Wanita (Emas)	1		
15	69	Bola Keranjang (W)	Chong Yin Yin	Berpasukan Wanita (Emas)	1		
	70		Ng Shi Yeng				
	71		Ooi Poh Yee				
	72		Saw Wei Yin				
16	73	Boling Padang	Zulhilmie Bin Redzuan	Men Fours (Perak)		1	
	74		Zuraini Bt Khalid	Women Triples (Emas)	1		
	75		Nor Hashimah Bt Ismail	Women Fours (Emas)	1		
	76		Mohammad Syamil Syazwan Bin Ramli	Men Triples (Emas)	1		
	77		Emma Firyana Bt Saroji	Individu (Emas)	1		
17	78	Bola Jaring	An Najwa Bt Aziz	Berpasukan (Emas)	1		
	79		Karishma A/P S. Loganathan				
	80		Puah Pei San				
18	81	Pencak Silat	Muhammad Faizul Bin M Nasir	Kelas B Putra (Emas)	1		
	82		Mohd Khaizul Bin Yaacob	Kelas J Putra (Perak)		1	
19	83	Petanque	Saiful Bahri Bin Musmin	Double Lelaki (Emas)	1		
	84		Anis Amira Bt Basri	Bergu Campuran (Gangsa)			1
	85		Mohamad Nuzul Azwan Bin Ahmad Temizi				
20	86	Ragbi (L)	Muhammad Siddiq Amir Bin Jalil	Berpasukan (Emas)	1		
21	87	Pelayaran	Ahmad Syukri Bin Abdul Aziz	Int 470 (Emas)	1		
	88		Mohamad Faizal Bin Norizan				
	89		Muhammad Farhan Bin Hamid	Laser Standard Berpasukan (Perak)		1	
	90		Nur Aisyah Kovo Bt Mohd Yusri	Int 420 (Gangsa)			1
	91		Nurul Izzryn Bt Shamsul Ariffin				
	92		Norashikin Bt Mohd Sayed	Int 470 (Perak)		1	
22	93	Sepak Takraw	Farhan Bin Adam	Regu Lelaki (Emas)	1		
				Regu Berpasukan (Gangsa)			1
	94		Muhammad Haikal Bin Damanhuri	Chinlone – Same Stroke (Gangsa)			1
				Chinlone – Non-Repelation Secondary (Gangsa)			1
	95		Norshahrudin Bin Md Ghani	Double Berpasukan (Gangsa)			1
	96		Nor Farhana Bt Ismail	Regu Wanita (Perak)		1	
				Double Wanita (Gangsa)			1
23	97	Menembak	Bennard Yeoh Cheng Han	Shotgun - Trap Individual (Perak)		1	
	98		Joseph Lee Joon Kit	Shotgun - Skeet Individual (Perak)		1	
	99		Teh Chee Fei	Penyertaan			
24	100	Skuasy	Muhammad Addeen Idrakie Bin Bahtiar	Penyertaan			
25	101	Ping Pong	Lee Rou You	Berpasukan Wanita (Gangsa)			1
	102		Leong Chee Feng	Berpasukan Lelaki (Gangsa)			1
26	103	Taekwondo	Chew Wei Yan	Poomsea Individu Lelaki (Emas)	1		
				Poomsae Berpasukan Lelaki (Perak)		1	
27	104	Tenis	Ahmed Deedat Bin Abdul Razak	Penyertaan			
	105		Theviya A/P Selva Rajoo	Double (Gangsa)			1
	106		Christian Oliver Lee Cho-Weng	Penyertaan			
	107		Suhana Sofia Binti Mohd Adam Das	Penyertaan			
28	108	Bola Tampar	Khairol Shazrime Bin Shamsaimon	Berpasukan (Penyertaan)			
	109		Sim Jian Qin				
	110		Tasha Mae				
	111		Yap Kent Bin				
	112		Chia You Jing				
	113		Mohd Aizzat Bin Mohd Zokri				
29	114	Billiard & Snuker	Adwin Teh Kah Seng	Penyertaan			
	115		Darryl Chia Soo Yew	Penyertaan			
30	116	Luncur Ais	Aina Sorfina Binti Aminudin	Penyertaan			
	117		Aneeta Lingam	Penyertaan			
				500m Women's Short Track Speed Skating (Emas)	1		
	118		Anja Chong An Ya	1000m Short Track Speed Skating (Emas)	1		
				3000m Women's Relay (Emas)	1		
	120		Mohamad Hazim Syahmi Bin Shahrum	3000m Men's Relay (Emas)			
	121		See Wan Ni	3000m Women's Relay			
	122		Chew Kai Xiang	3000m Men's Relay (Emas)			
				Men's Individual - Figure Skating (Gangsa)			1
	123		Wong De-Vin	3000m Men's Relay (Emas)			
	124		Nadja Choong Na Ya	3000m Women's Relay (Emas)			
	125		Nor Marissa Alia Bt Ahmad Lokman	3000m Women's Relay (Emas)			

31	126	Ski Air	Cheah Hsu Ann	Penyertaan			
	127		Muhamad Haziq Bin Zohari	Penyertaan			
	128		Muhammad Syahir Ayraf Md Nasir	Slalom Individual (Gangsa)			1
				Jump Individual (Gangsa)			1
	129		Nur Nadiyah Hanani Binti Md Nasir	Penyertaan			
	130		Rody Sofian Bin Buang	Penyertaan			
32	131	Hoki Ais	Aiman Zul Rafiq Bin Mohd Fadzul	Berpasukan (Gangsa)			1
	132		Brandon Tan Wai Kin				
	133		Khoo Seng Chee				
	134		Low Jun Ming				
	135		Mohammad Aqeel Bin Noor Hisham				
	136		Muhammad Hariz Bin Mohammad Oryza Ananda				
	137		Muhammad Syukri Binshaharudin				
	138		Muhammad Taufiq Bin Azman				
	139		Yap Eu Jin				
JUMLAH PINGAT					41	28	28

Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah membuat perancangan untuk pengembangan dengan merangka model baru pembangunan sukan bermula 2016-2020 iaitu untuk tempoh lima (5) tahun.

Model pembangunan sukan yang berteraskan kepada konsep 2i iaitu *integrate* dan *incorporate* lebih memfokuskan pembangunan sukan untuk semua peringkat bermula dari akar umbi dan juga ianya melibatkan agensi-agensi yang menjalankan program pembangunan sukan secara langsung mahupun tidak langsung di Selangor ini. Ia juga melibatkan pengaktifan Majlis Sukan Daerah yang akan menjadi nadi pelaksanaan program-program pembangunan sukan di seluruh Negeri Selangor.

Buat masa ini, model baru ini adalah yang bersesuaian dengan keadaan dan status terkini dalam bidang sukan yang dilihat semakin kompetitif.

Model pembangunan atlet ini juga adalah untuk digunapakai dan diaplikasikan kepada semua sukan yang terlibat iaitu sukan-sukan yang di bawah persatuan negeri yang bergabung dengan pihak Majlis Sukan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PROGRAM WAKAF TUNAI PERBADANAN WAKAF SELANGOR

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima manfaat dan program daripada dana wakaf tunai Perbadanan Wakaf Selangor dan apakah bentuk manfaat dan program tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, “wakaf tunai” mengikut Seksyen 2 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 bermaksud sumbangan wang tunai, nilai emas atau yang seumpama dengannya seperti wang pos dan lain-lain.

Wakaf pula merujuk kepada niat setiap pewakaf. Sumbangan wakaf ini daripada Wakaf Am dan Wakaf Khas. Wakaf Khas harus diagihkan mengikut niat pewakaf, manakala Wakaf Am membolehkan wakaf itu dimanfaatkan menurut Hukum Syarak.

Sejak penubuhan PWS dari tahun 2011, sejumlah RM204 juta dana wakaf tunai diterima untuk diuruskan oleh PWS. Daripada jumlah tersebut, RM165 juta adalah Wakaf Khas dan RM39 juta adalah Wakaf Am.

Sehingga September 2017, sejumlah 217 bentuk manfaat dan program, bersamaan RM107 juta dana wakaf tunai telah dimanfaatkan kepada masjid dan surau, institusi pendidikan dan tujuan kesihatan. Pecahan agihan manfaat tersebut secara amnya terdiri daripada 180 buah masjid dan surau, 49 buah institusi pendidikan serta pembelian 18 peralatan dan kelengkapan perubatan seperti klinik bergerak, mesin diálisis, mesin endoskopi dan lain-lain.

Bentuk program yang dilaksanakan oleh PWS adalah seperti pembinaan baru/ semula masjid dan surau, baikpulih dan tambahan struktur bangunan termasuk institusi pendidikan. Wakaf Am ini dimanfaatkan juga dengan sumbangan di *Islamic Centre University of Oxford* berjumlah RM615 ribu, pembinaan escalator di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bernilai RM485 ribu. Tambahan, pembinaan Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong dan Masjid An-Nur Glenmarie masing-masing dengan dana wakaf tunai berjumlah RM21 juta dan RM17 juta. Disamping itu, sejumlah lebih RM20 juta digunakan bagi pembinaan Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum (MTMU), Hulu Langat di atas tanah wakaf yang bernilai RM5 juta. Pada masa yang sama, terdapat agihan

manfaat yang bertujuan kesihatan. Sebanyak 3 klinik bergerak telah dibeli dan dibiaya dengan dana wakaf tunai. Klinik ini '*mobile*' dan diselia oleh KPJ Hospital dan pernah ditempatkan di Kuala Krai, Kelantan bagi membantu mangsa musibah banjir. Sebanyak 16 buah mesin diálisis telah dibeli dan ditempatkan di pelbagai hospital dan pusat diálisis berjumlah RM40 ribu setiap satu.

Sehubungan itu, adalah digalakkan umat Islam di Selangor khususnya, supaya dapat terus berwakaf sebagai satu '*tool*' pembangunan ekonomi umat Islam amnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : KES DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah pecahan kes demam denggi, zika dan chikungunya mengikut daerah dan apakah langkah bagi mengurangkan kes-kes ini?

JAWAPAN:

- a) Status pecahan kes demam denggi, Zika dan Chikungunya di Selangor Tahun 2017 (sehingga ME 41).

Daerah	Denggi	Zika	Chikungunya
Gombak	4817	0	27
Hulu Langat	12145	0	0
Hulu Selangor	647	0	0
Klang	6685	0	5
Kuala Langat	1106	0	0
Kuala Selangor	452	0	0
Petaling	12000	0	1
Sabak Bernam	159	0	0
Sepang	1640	0	0
Jumlah	39651	0	33

Langkah bagi menangani isu ini:

Oleh kerana vektor pembawa Virus Denggi, Zika dan Chikungunya adalah sama, maka aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit tersebut masih mengguna pakai strategi bagi penyakit denggi iaitu:

- i. Pelan Strategik Pencegahan dan Kawalan Denggi (2009-2013)
- ii. Hala Tuju Baru Untuk Kawalan Denggi 2014
 - Kes yang didaftarkan adalah kes yang telah disahkan dengan ujian makmal
 - Aktiviti *source reduction* ditingkatkan termasuk pemeriksaan premis
 - Aktiviti semburan ruang thermal (SRT) untuk kes positif.

Fokus utama hala tuju kawalan ini adalah mengurangkan risiko pembiakan nyamuk melalui aktiviti “source reduction” yang menjadi punca utama.

- iii. Pendekatan aktiviti lapangan di Selangor menggunakan kaedah Ekosistem, iaitu mengutamakan aktiviti pencegahan.
- iv. Pada 4 Februari 2015, Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan Zika Alert Dan Arahan Pentadbiran Untuk Pemantauan Dan Pengurusan Jangkitan Virus Zika kepada semua JKN. Justeru JKN Selangor melaksana dasar dan usaha yang disyorkan termasuklah:
 - 1. Mengambil tindakan kesiapsiagaan bagi membendung penularan virus Zika dengan menjalankan Survelen klinikal untuk kes Zika di beberapa Klinik Kesihatan dan hospital di Selangor.
 - 2. Mengambil tindakan pencegahan dan kawalan oleh Pejabat Kesihatan Daerah dan Jabatan Kesihatan Negeri seperti garispanduan kawalan denggi jika terdapat kes yang dilaporkan.
 - 3. Kesiapsiagaan dan Respons Pintu Masuk Antarabangsa Negara di Pintu Masuk Utama Negara di Negeri Selangor.
 - 4. Memanjangkan Zika Alert yang telah diumumkan oleh pihak KKM dan memaklumkan mengenai situasi virus Zika serta pelaksanaan pengurusan jangkitan virus Zika kepada fasiliti kesihatan kerajaan/swasta di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PEMBASMIAN KEGIATAN CETI HARAM

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk membasmi kegiatan ceti haram?

JAWAPAN:

- a) Lesen pemberi pinjam wang adalah terletak di bawah Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan Dan Pelesenan 2003), Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011 di bawah bidang kuasa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Kerajaan Negeri melalui PBT telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membasmi kegiatan ceti haram daripada berleluasa antaranya:

- (1) Melaksanakan operasi menurunkan iklan haram termasuklah iklan ceti haram di semua kawasan operasi PBT masing-masing. Contohnya, sebanyak **776,811 unit** iklan haram diturunkan pada **tahun 2015**; sebanyak **1,360,555 unit** pada **tahun 2016** dan sehingga **pertengahan tahun 2017 sebanyak 600,648 unit**;
- (2) PBT sentiasa melaksanakan rondaan bagi memantau pemasangan iklan ceti haram/along oleh Penguatkuasa PBT masing-masing sebanyak dua (2) kali sehari pada seawal pagi dan petang;
- (3) Mengemukakan nombor telefon yang tertera pada iklan haram kepada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tujuan permohonan penamatan perkhidmatan. Contohnya, sehingga pertengahan tahun 2017, sebanyak **391 nombor telefon** telah dikemukakan kepada pihak SKMM;
- (4) Akan membatalkan lesen perniagaan khususnya pengusaha syarikat percetakan sekiranya didapati mengambil tempahan mencetak iklan-iklan along;
- (5) Mengadakan operasi bersepadu iklan ceti haram dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan NGO dalam membanteras aktiviti along; dan

- (6) Menghadkan jumlah pengeluaran kepada pemohon-pemohon yang memohon lesen premis bagi aktiviti perniagaan pemberi pinjaman wang berlesen di seluruh kawasan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PEMEGANG TAULIAH MENGAJAR ISLAM

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah pemegang tauliah mengajar Islam mengikut kategori dan jumlah yang ditarik tauliah sepanjang tahun 2017.

JAWAPAN:

- a) Jumlah pemegang tauliah mengajar Islam mengikut kategori dan jumlah yang ditarik balik tauliah sepanjang tahun 2017 seperti berikut:

Bil	Kategori	Jumlah
1.	Kategori D1 (Ceramah)	13
2.	Kategori D2 (Berkitab)	53
3.	Kategori D3 (Al-Quran)	139
4.	Kategori D4 (Khas- motivasi/pem.insan)	29
5.	Kategori D1 & D2	7
6.	Kategori D2 & D3	8
7.	Kategori D1 & D3	2
8.	Kategori D3 & D4	-
9.	Kategori D2& D4	3
10.	Kategori D1 & D4	-
11.	Kategori D1, D2 & D3	8
12.	Kategori D2, D3 & D4	3
13.	Kategori D1, D2, D3 & D4	-
Jumlah		265

Jumlah pemegang tauliah yang ditarik balik tauliah sepanjang tahun 2017 ialah seramai 4 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : SISTEM E-WORLD

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah penggunaan Sistem *E-World* telah membantu Kerajaan dalam pengurusan sisa pepejal?

JAWAPAN:

- a) Sistem E-World, merupakan sistem pendaftaran atas talian; dan juga sebagai platform untuk mempermudah urusan rekod dan dokumentasi bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk sisa pepejal yang dilupuskan di tapak tapak pelupusan yang dikendalikan oleh WHB.

Sistem ini diwujudkan bagi menggantikan kaedah manual yang dijalankan sebelum ini dengan menggunakan kertas. Sistem ini menggunakan kaedah pendaftaran yang mudah and mesra teknologi. Di samping itu, sistem e-WORLD juga boleh diakses dan dikemaskini dengan menggunakan laman sesawang dan *mobile friendly*.

Sistem E -World merupakan langkah strategik Worldwide Holdings dalam mempertingkatkan kecekapan pengendalian urusan pendaftaran di tapak tapak pelupusan, dimana data-data yang berkaitan akan disalurkan secara automatik ke sistem ini; bertujuan untuk meningkatkan kelancaran rekod pengurusan dan pemantauan kenderaan atau lori sampah yang masuk ke tapak pelupusan.

Sistem ini berupaya mempertingkatkan kecekapan pengendalian urusan pendaftaran, data dapat disalurkan secara automatik untuk semakan, rujukan dan dianalisis pada bila-bila masa.

Melalui E-World juga, pangkalan data Worldwide Holdings juga boleh digunakan untuk tujuan mengumpul data dan rujukan oleh Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN). Pelancaran sistem E-World pada hari ini menunjukkan komitmen dan sokongan Worldwide Holdings dalam usaha menambah baik dan meningkatkan kualiti pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor khususnya dalam urusan dengan pihak PBT dan pihak-pihak lain yang berkaitan.